

Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturut dalam bulan/tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Dipengerusikan Yang Dipertua PESUTM Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus yang dihadiri 11 ahli terdiri Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris, Roslan Abd Ghani, S/usaha; Hj Jamaluddin Harun, Bendahari; Hj Ansar Sidek, Pen. S/Usaha; Hj Khalid Mazlan, Peng. Biro Seranta; Puan Kasumabahri Masjuriah Baharum Basar, Peng. Biro Ekonomi; Tuan Hj Dahari Derani, Peng. Biro Kebajikan & Sosial; Hj Zainul Rashid Abu Bakar, Hj Zainal Abidin Hassan, Puan Abrizah Abdul Rahim & Hj Bakri Mohd Dahlan.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan | Ketua
Haji Bakri Mohd Dahlan
Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasumabahri Masjuriah B. Basar | Ketua
Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani | Ketua
Haji Zainal Abidin Hassan
Puan Abrizah Abd. Rahim
Puan Ramlah Husin
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaal Samat | Ketua
Haji Zainul Rashid Abu Bakar
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | SKUDAI UTM | 31 Oktober 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN PESARA UTM BIL. 4/2023

Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM buat kali keempat bertemu dalam sidang Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM (PESUTM) Bil. 4/2023 yang diadakan di bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) Pejabat Pendaftar UTM. Mesyuarat bermula pada jam 10.30 pagi dipengerusikan Yang Dipertua Persatuan Pesara UTM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus yang dihadiri 11 ahli terdiri Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris, saudara Roslan Abd Ghani, Setiausaha; Hj Jamaluddin Harun, Bendahari; Hj Ansar Sidek, Penolong S/Usaha; Hj Khalid Mazlan, Pengurus Biro Seranta; Puan Kasumabahri Masjuriah Baharum Basar, Pengurus Biro Ekonomi; Tuan Hj Dahari Derani, Pengurus Biro Kebajikan & Sosial; Hj Zainul Rashid Abu Bakar, Hj Zainal Abidin Hassan, Puan Abrizah Abdul Rahim dan Hj Bakri bin Mohd Dahlan.

Sebelumnya, di bilik sama, pada jam 9.30 pagi telah diadakan sesi taklimat bertajuk "Perubatan Pesara" yang dihadiri kesemua 12 ahli jawatankuasa PESUTM. Taklimat disampaikan oleh Puan Nurnasuhu Alwi, Pegawai Tadbir (NA44) yang bertanggungjawab mengurus perubatan staf dan pesara universiti. Dalam sesi taklimat ini ahli jawatankuasa dijelaskan kemudahan berkaitan perubatan yang mencakupi pesara yang layak mendapat kemudahan perubatan, pusat perubatan yang layak pesara mendapatkan khidmat, jenis perubatan, had batas kos bagi pesara dan keluarga mendapat kemudahan perubatan di PKU. Selain itu, slot sesi soal jawab dimanfaatkan sebaiknya oleh ahli dengan banyak pertanyaan hingga mengambil masa sekitar 20 minit.

Seperti lazimnya pengisian rentas agenda Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM mendasari perkara:



- 1.0 Aluan Pengerusi
- 2.0 Meluluskan Minit Mesyuarat J/kuasa PESUTM
- 3.0 Perkara Berbangkit
- 4.0 Membantangkan Laporan Kewangan
- 5.0 Meluluskan Permohonan Ahli Baru
- 6.0 Lain-lain Perkara

Secara umum agenda 2.0, 3.0, 4.0 di atas dibincangkan dengan mendalam terutama berkaitan dengan Tabung Persatuan Pesara UTM dan Tabung Kebajikan Pesara. Perbincangan ahli mencakupi aspek tadbir urus akaun agar teratur dan tepat. Selain itu, disentuh juga langkah dan usaha yang perlu diberikan perhatian dalam menganjal dan melestarikan sumber kewangan PESUTM. Turut menjadi fokus perbincangan ialah inisiatif menggerakkan dan meuar-uarkan kewujudan Tabung Kebajikan Pesara kepada ahli bahkan kepada masyarakat lainnya. Dalam konteks ini iklan sumbangan dipermudahkan dengan mengadakan QR Code dan iklan kutipan umum dan Infaq Jumaat perlu dibuat secara istiqamah.

Selain itu, mesyuarat ini turut menerima seramai 18 orang ahli baru. Sebahagian besar ahli ini mendaftar sempena Majlis Sanjungan Budi yang diadakan pada 11 Oktober 2023 bertempat di Dewan Sultan Iskandar UTM Johor Bahru.

1. 0816 Ros Kintan Bte Mansor (017) 7027830
2. 0817 Faridah Bte Yusof (016) 4966583
3. 0819 Umul Baharin Bin Abd Kadir (01) 772 2449
4. 0820 Norhafizah Bt Ramli (019) 2680299
5. 0821 Dzurllkanian @ Zulkarnain Bin Daud (019) 7119120
6. 0822 Kamarudin Bin Idris (019) 7114908
7. 0823 Mohd Yunus Bin Wahab (013) 2662385
8. 0824 Engku Mohammad Nazim Engku Abu Bakar (019) 7544816
9. 0825 Fatimah Bte Masuan (013) 7022902
10. 0826 Mohammad Bin Amzah (019) 7970480
11. 0827 Mohd Khadari Bin Saring (01) 369 8196
12. 0828 Azhar Bin Ahmad (019) 2064167
13. 0829 Suhaime Bin Ahmad (01) 279 2461
14. 0830 Habibah @ Norehan Hj Haron (012) 2240465
15. 0831 Nor'ani Bt Misran (016) 7353174
16. 0832 Aminah Binti Md Yusof (012) 7102340
17. 0833 Jim'a'in Bin Safar (019) 7152540
18. 0834 Shahdan Sudin (019) 7734346



TABUNG KEBAJIKAN PESARA

**PERSATUAN PESARA UTM TELAH
MENUBUKHAN TABUNG KEBAJIKAN
PESARA. MATLAMAT BAGI
MEMBANTU RAKAN PESARA YANG
MEMERLUKAN BANTUAN**

**"Dukungan anda amat bermakna,
justeru bersama kita merebut peluang untuk
"memberi" demi kesejahteraan rakan pesara"**

**Kepada yang ingin menyumbang salurkan
sumbangan anda menggunakan
Bank Kerjasama Rakyat
ke akaun TABUNG KEBAJIKAN PESARA
seperti di bawah**



11-0219475-4



TABUNG KEBAJIKAN PESARA

**PERSATUAN PESARA UTM
TELAH MENUBUKHAN
TABUNG KEBAJIKAN PESARA.
MATLAMAT BAGI MEMBANTU RAKAN
PESARA YANG MEMERLUKAN BANTUAN.**



KHAIRAT



PERUBATAN



KECEMASAN




**Kepada yang ingin berinfaq salurkan
infaq anda ke akaun TABUNG
KEBAJIKAN PESARA seperti di bawah**



11 - 0219475-4





MENGENAI ANUGERAH

Anugerah MyPesara adalah sebuah penganugerahan peringkat perdana yang disediakan khas bagi mengiktiraf dan menghargai pesara perkhidmatan awam yang telah memberi impak positif dalam bidang Keusahawanan, Pendidikan, Sosial dan Khidmat Masyarakat. Dengan mengenal pasti individu cemerlang yang telah memainkan peranan yang bermakna dalam persaraan mereka, Anugerah MyPesara menjadi sumber inspirasi dan ilham kepada warga pesara akan kepentingan untuk kekal aktif dan positif walaupun sudah bersara.

DIANJURKAN OLEH



DENGAN KERJASAMA



KATEGORI ANUGERAH




KEUSAHAWANAN

Anugerah ini diberikan kepada pesara yang telah memperkenalkan kemahiran keusahawanan yang cemerlang melalui perniagaan yang mampan dalam pelbagai sektor seperti pertanian, perkhidmatan, pembuatan, makanan & minuman, dan lain-lain lagi dimana peluang pekerjaan diwujudkan dan turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi.



PENDIDIKAN



PENYERTAAN

1. Muat turun dan isi borang pencalonan.
2. Lampirkan dokumen sokongan untuk tujuan pengesahan dan semakan dalam bentuk artikel yang diterbitkan, siaran akbar, salinan sijil penglibatan/ keahlian/ pencapaian.
3. Bagi kategori keusahawanan, syarikat anda hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan dokumen berkenaan kewangan perlu dikemukakan.
4. Bagi kategori sosial dan khidmat masyarakat, organisasi anda hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPJM) dan dokumen berkenaan perlu dikemukakan.
5. Borang pencalonan serta dokumen berkaitan hendaklah dihantar melalui e-mel, pos atau secara peribadi ke Pejabat KWAP di Kuala Lumpur atau Cyberjaya atau semasa program

TERMA & SYARAT



KELAYAKAN

Anugerah MyPesara adalah sebuah penganugerahan peringkat perdana yang disediakan khas bagi mengiktiraf dan menghargai pesara perkhidmatan awam yang telah memberi impak positif dalam bidang Keusahawanan, Pendidikan, Sosial dan Khidmat Masyarakat.

Dengan mengenal pasti individu cemerlang yang telah memainkan peranan yang bermakna dalam persaraan mereka, Anugerah MyPesara menjadi sumber inspirasi dan ilham kepada warga pesara akan kepentingan untuk kekal aktif dan positif walaupun sudah bersara.

TERMA & SYARAT

Seorang individu yang aktif menyumbang kepada masyarakat dan telah membuat perubahan yang mendalam sambil menunjukkan amalan yang berjaya dalam bidang masing-masing selepas bersara, untuk tempoh minimum selama 5 tahun.

Calon masih belum menerima sebarang anugerah di peringkat kebangsaan atau anugerah antarabangsa atas sumbangannya.

Pencalonan sendiri dan pencalonan oleh pihak ketiga adalah diterima.

Semua pencalonan perlu disokong oleh dokumen yang berkaitan sebagai bukti.

Mesyuarat ini turut dilatari dengan perbincangan mauduk "Anugerah MyPesara." Memandangkan tarikh tutup pencalonan sudah hampir iaitu pada 10 November 2023 justeru mesyuarat bersetuju mengambil pendekatan persatuan harus bermula tahun ini – maksudnya PESUTM perlu ada calon dan membuat pencalonan bagi kategori yang dipertandingkan.

Secara umum PESUTM berpegang kepada persaraan dianggap detik bermulanya babak baharu yang mana pesara boleh terus menyumbang bakti kepada masyarakat, menjadi produktif dan berpengaruh. Menepati aspirasi inilah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menganjurkan Anugerah MyPesara khusus untuk pesara kerajaan sektor awam.

Pencalonan Anugerah MyPesara terdiri daripada tiga kategori iaitu Pendidikan, Sosial dan Khidmat Masyarakat serta Keusahawanan.

Bagi kategori Pendidikan, anugerah itu akan diberikan kepada pesara yang terbabit aktif dalam mempertingkat

proses pembelajaran dan membuka jalan untuk akses pendidikan kepada golongan yang terpinggir.

Kategori Sosial dan Khidmat Masyarakat adalah anugerah kepada pesara yang menyumbang dalam penyediaan bantuan kepada komuniti kekurangan sumber di samping meningkatkan kesedaran sosial di platform negeri hingga antarabangsa.

Kategori Keusahawanan pula memberikan anugerah kepada pesara yang memperkenalkan kemahiran keusahawanan cemerlang melalui perniagaan yang mampan dalam pelbagai sektor.

Anugerah MyPesara terbuka kepada warga Malaysia yang sedang menerima pencen bulanan daripada pihak kerajaan dan berusia 55 tahun ke atas.

Sehubungan dengan ini, mesyuarat bersetuju menamakan tiga calon bagi menyertai tiga kategori Anugerah MyPesara di atas.